

ABSTRACT

Violent conflict induces hardship on every segment in society. Its impact on women is usually devastating. They particularly suffer heightened conflict-inflicted consequences compared to other segments in society. In women entrepreneurship research, the roles of women entrepreneurs in such a challenging environment have not received adequate attention. This is probably attributed to the difficulty to conduct empirical research involving hard-to-reach segment of population in the violent conflict context. Therefore, this study aims to address this gap. The research explores women entrepreneurship motivation and challenges in the context of *Boko Haram* conflict in Northeast Nigeria. It further investigates motivational factors and coping strategies of these entrepreneurs operating their business in the violent conflict context. The study employed an integrated approach in understanding the complex nature of the phenomenon under study. Institutional Theory and theories of motivation particularly Push-Pull Theory and Maslow's Hierarchy of Needs Theory were engaged to guide the research. Participant observation and in-depth interview were used to obtain qualitative data for the research; thematic analysis was used to analyze the data. Eighteen (18) displaced women entrepreneurs participated in this study. Overall, the findings of the study revealed that women entrepreneurs in the context of *Boko Haram* conflict were motivated by multifaceted factors and faced with challenges that require multifaceted approach in an effort to develop effective support system to assist them. The research found that a majority of these displaced women entrepreneurs who had previous entrepreneurial experiences were more resilience and demonstrated capability towards establishing new business ventures in the context of violent conflict. Further, two most important motivational factors – Individual Factor and Institutional/Environmental Factor – were found very important to affect the success of establishing business startup among these entrepreneurs in

Post – Boko Haram conflict phase. The enabling factors that were found to contribute to resilience to the entrepreneurs under conflict contexts include: previous experience and skills, work-family balance, institutional and social supports, acceptance from host-community and perception on security. The research has made three important contributions to contribute to the women entrepreneurship field by giving focus on the violent conflict context. Firstly, this study extended the application of institutional theory by framing the research in two conflict phases – Pre-Boko Haram Conflict and Post-Boko Haram Conflict. This approach led to the discovery of in-depth “story” from the displaced women entrepreneurs with a fresh perspective to advance the women entrepreneurship knowledge. Secondly, the study contributed to advance knowledge with regards to exploring hard-to-reach segment of entrepreneurs thereby, permitted the study to contribute to the policy framework formulation towards developing support systems for women entrepreneurship under a violent conflict situation. Lastly, the research findings have practical contributions in areas related to handling women entrepreneurs in *Boko Haram* conflict context.

Keywords: Violent-conflict, Boko-Haram, Internally Displaced Persons (IDPs), women entrepreneurship, context.

***Motivasi dan Cabaran Keusahawanan Wanita dalam Konteks Konflik Boko Haram di
Timur Laut Nigeria***

ABSTRAK

Konflik keganasan mencetuskan kesengsaraan kepada pelbagai segmen dalam masyarakat. Kaum wanita adalah sangat terkesan dengan akibat konflik keganasan. Mereka terutamanya mengalami kesan yang lebih melampau berbanding dengan segmen lain dalam masyarakat. Dalam kajian keusahawanan wanita, peranan usahawan wanita dalam persekitaran yang begitu mencabar tidak mendapat perhatian yang secukupnya dalam kajian empirikal. Ini mungkin disebabkan oleh kesulitan untuk membuat kajian empirikal yang melibatkan segmen populasi yang sukar di jangkau dalam konteks konflik keganasan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menangani jurang ini. Kajian ini menyelidik motivasi dan cabaran keusahawanan wanita dalam konteks konflik Boko Haram di Nigeria Timur Laut. Seterusnya, kajian ini menyiasat faktor motivasi dan strategi mengatasi oleh usahawan-usahawan ini yang menjalankan perniagaan mereka dalam konteks konflik keganasan. Kajian ini menggunakan pendekatan bersepadu dalam memahami sifat kompleks fenomena yang di kaji. Teori Institusi dan teori-teori motivasi terutamanya Teori Tolak-Tarik dan Teori Hierarki Keperluan Maslow digunakan untuk membimbing penyelidikan ini. Pemerhatian peserta dan temubual mendalam digunakan untuk mendapatkan data kualitatif untuk kajian. Analisis tematik digunakan dalam menganalisa data. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendedahkan bahawa usahawan wanita dalam konteks konflik Boko Haram telah didorong oleh pelbagai faktor dan berhadapan dengan banyak cabaran yang memerlukan pendekatan multifaset dalam usaha membangunkan sistem sokongan yang berkesan untuk membantu mereka. Hasil penyelidikan ini juga mendapati majoriti usahawan wanita ini yang mempunyai pengalaman keusahawanan sebelum ini, lebih berdaya tahan dan menunjukkan keupayaan ke arah mewujudkan perniagaan baharu dalam konteks konflik keganasan. Seterusnya, dua faktor motivasi yang paling penting - Faktor Individu dan Faktor Institusi/Persekitaran - didapati sangat penting dalam mempengaruhi kejayaan

menubuhkan perniagaan di kalangan usahawan ini dalam fasa konflik Pasca - Boko Haram. Faktor-faktor pendukung yang didapati menyumbang kepada daya tahan kepada usahawan dalam konteks konflik termasuk: pengalaman dan kemahiran terdahulu, imbalan keluarga dan kerja, sokongan institusi dan sosial, penerimaan daripada komuniti tuan rumah dan persepsi tentang keselamatan. Penyelidikan ini telah membuat tiga sumbangan penting menyumbang kepada bidang keusahawanan wanita dengan memberi tumpuan kepada konteks konflik keganasan. Pertama, kajian ini meluaskan aplikasi Teori Institusi dengan membawa fokus penyelidikan dalam dua fasa konflik – Konflik Pra-Boko Haram dan Konflik Pasca-Boko Haram. Pendekatan ini membawa kepada penemuan "kisah" yang mendalam daripada usahawan wanita yang terlantar dengan perspektif baru untuk memajukan bidang ilmu keusahawanan wanita. Kedua, kajian ini menyumbang kepada memajukan pengetahuan berkaitan penerokaan segmen usahawan yang sukar dijangkau, yang mana telah membolehkan kajian ini menyumbang kepada rangka kerja dasar ke arah membangunkan sistem-sistem sokongan untuk keusahawanan wanita di bawah situasi konflik keganasan. Akhir sekali, hasil penyelidikan ini mempunyai sumbangan praktikal dalam bidang yang berkaitan dengan pengendalian usahawan-usahawan wanita dalam konteks konflik Boko Haram.

Kata kunci: *Konflik-keganasan, Boko Haram, orang-orang terlantar dalaman, keusahawanan wanita, konteks.*